

# LANGKASUKA DAN PATANI DALAM PERSURATAN MELAYU: PERBAHASAN TERHADAP *TARIKH FATHANI*

*(Langkasuka and Patani in Malay Literature: A Polemic on Tarikh Fathani)*

Jelani Harun  
jelani@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
Tel.: +604-6532703

## Abstrak

Sejarah kewujudan Langkasuka dan Patani telah lama menjadi bahan penelitian para sarjana, khususnya dalam hubungan sebagai salah sebuah tamadun awal di Asia Tenggara. Sebahagian daripada kajian bertitik tolak daripada catatan para pengembara China, India, Arab dan Eropah yang pernah sampai ke Alam Melayu pada masa silam. Walau bagaimanapun, masyarakat tempatan turut mempunyai maklumat yang tersendiri tentang sejarah dan asal usul Langkasuka dan Patani, termasuk yang bersumber daripada tradisi lisan dan persuratan. Sebahagian daripada hasil persuratan telah pun diterbitkan sebagai *Hikayat Patani* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*, dan sebahagiannya masih wujud dalam bentuk manuskrip Jawi yang belum banyak dibicarakan lagi. Penelitian awal mendapati, maklumat daripada masyarakat tempatan mempunyai pelbagai persamaan dan perbezaan berbanding dengan sumber yang lain, dan hal ini mengundang perbincangan yang kritis terhadapnya. Makalah ini membahaskan *Tarikh Fathani* yang telah dihasilkan oleh Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafiuddin di Patani sekitar abad ke-17 yang lalu. Kewujudan *Tarikh Fathani* telah mencetuskan beberapa pandangan baharu tentang asal usul Langkasuka dan Patani yang menarik untuk dibicarakan, sekali gus dapat memperkukuh atau mempersoalkan kerelevanan naskhah Melayu sebagai sumber sejarah sosiobudaya bangsa.

Kata kunci: *Tarikh Fathani*, Langkasuka, Patani, manuskrip Jawi

### ***Abstract***

*The existence of Langkasuka and Pattani in history has long been a subject of research by scholars, particularly in relation to being among the earliest civilizations in Southeast Asia. Part of the study is derived from the record of travelers from China, India, Arabia and Europe to the Malay world in the past. However, local communities also possess unique information about the history and origins of Langkasuka and Pattani, including information gleaned from their oral tradition and from their literature. Some of the written material has been published as Hikayat Patani (The Story of Pattani) and Hikayat Merong Mahawangsa (The Tale of Merong Mahawangsa), while some material still exists in the form of Jawi manuscripts, which have not yet been discussed in detail. Preliminary research suggests that information from the local communities has a variety of similarities and differences, as compared to other sources, and this may lead to discussions that are critical to their existence. This paper will discuss Tarikh Fathani (The History of Pattani), which was produced by Sheikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafuiddin in Pattani around the 17th century. The appearance of Tarikh Fathani has led to new insights concerning the origins of Langkasuka and Pattani, which are interesting to talk about, and which could at the same time strengthen or lead to the questioning of the relevance of Malay manuscripts as sources of the socio-cultural history of the nation.*

*Keywords:* Tarikh Fathani, Langkasuka, Pattani, Jawi manuscripts

## **PENDAHULUAN**

Pelbagai kajian awal sarjana Barat telah dilakukan bagi menyusur galur kewujudan Langkasuka, antara lain oleh Braddell (1939), Linehan (1948), Wyatt (1967), Douglas (1980), Wheatley (1980), dan Bougas (1994). Kebanyakan kajian ini bersumberkan catatan para pengembara dan pedagang dari China, India, Eropah dan Arab yang pernah sampai ke Alam Melayu pada zaman lampau. Langkasuka telah muncul pada abad kedua Masihi dan berkembang pesat pada abad keenam dan ketujuh Masihi. Suatu deskripsi menarik tentang Langkasuka pada awal abad ketujuh telah dinukilkan oleh seorang pengembara China (Wheatley, 1980:254). Antara lain, Langkasuka (“Lang-ya-hsiu”) ketika itu digambarkan seperti yang berikut:

*Their kingdom is surrounded by walls to form a city with double gates, towers and pavilions. When the king goes forth he rides upon an elephant. He is accompanied by banners, flags and drums and he is shaded with a white parasol. The soldiers of his guard are well appointed. The inhabitants of the country say that their state was founded more than four hundred years ago.*

Catatan para pengembara dunia yang pernah datang ke Alam Melayu turut memberikan banyak maklumat awal tentang kewujudan kerajaan Patani. Berbagai-bagai kajian dan ulasan sarjana telah dibuat berhubungan dengan catatan dan peta pelayaran para pengembara silam tersebut, antara yang utama termasuklah oleh Cushman dan Milner (1979) dan Bradley (2006). Daripada catatan awal tersebut, muncul pelbagai versi dan pandangan tentang asal usul Patani dan hubungannya dengan kerajaan purba Langkasuka.

Dalam catatan Ch'en Lun-ch'iung (1683-1747), seorang pengembara dari China yang datang ke Alam Melayu, nama Patani disebutkan sebagai "Ta-nien" (Cushman dan Milner, 1979:9). Seorang lagi pengembara China, Csieh Ch'ing-kaio (1765-1821) mencatatkan nama Patani sebagai "Tai-ni" dan Patani ketika itu "is a dependency of Siam and pays yearly tribute of thirty chin of gold". Menurut Cushman dan Milner (1979:16), sumbangan yang diberikan oleh Patani kepada Siam ketika itu adalah dalam bentuk "bunga emas". Pengembara China bernama Wei Yuan (1794-1856) pula dalam tulisannya pada tahun 1842 mencatatkan nama Patani sebagai "Ta-ni" atau "Ta-nien". Patani ketika itu merupakan pengeluar lada hitam, udang, padi, sarang burung dan juga daging kerbau dan rusa yang telah dikeringkan.

Bradley (2006) dalam tulisannya, *The World of the Hikayat Patani*, telah menghidupkan kembali pandangan lama sarjana Barat tentang kewujudan Langkasuka pada abad kedua Masihi, dan bagaimana Langkasuka kemudiannya menjadi asas kepada pembentukan Patani. Dalam bab kedua bukunya yang bertajuk "Patani Before Islam: Langkasuka and the Buddhist World of Yiching", Bradley telah memperlihatkan bahawa Langkasuka muncul sebagai sebuah pusat agama Buddha yang penting di Asia Tenggara yang pernah dilawati oleh Yiching sekitar tahun 685-689 Masihi. Pelabuhan Yarang ketika itu muncul sebagai pusat kegiatan perdagangan yang utama yang menjadi tumpuan kedatangan para penganut Buddha dari China dan India. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Bradley dikesani hanya bersandarkan *Hikayat Patani* terbitan oleh Teeuw dan Wyatt (1970).

## **SUMBER MELAYU TENTANG LANGKASUKA DAN PATANI**

Suatu catatan menarik tentang asal usul Langkasuka ditemui dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, sebuah hikayat yang menceritakan sejarah permulaan kewujudan kerajaan Kedah. Hikayat ini dikatakan bermula dengan kisah yang berlaku pada zaman Nabi Sulaiman a.s., kisah raja Rom ingin meminang anak raja China. Hasrat raja Rom tersebut cuba dihalang oleh seekor burung geroda kerana pada pendapatnya manusia yang berada di dua buah tempat yang sangat jauh tidak mungkin akan dapat bersatu. Putera raja Rom meneruskan hasratnya dengan belayar menuju ke negeri

China bersama-sama seorang sahabat bernama Raja Merong Mahawangsa, tanpa mengetahui perbuatan burung geroda yang telah melarikan puteri raja China ke Pulau Langkapuri. Sewaktu dalam pelayaran, angkatan peminangan raja Rom diserang oleh geroda lalu karam. Raja Merong Mahawangsa akhirnya sampai ke sebuah pulau dan membuka pulau tersebut menjadi tempat yang diberi nama “Langkasuka” (Siti Hawa, 1991:12):

Setelah sudah balai itu maka dinamai akan dia Langkasuka kerana mengerjakan itu dengan makan minum dan bersuka-sukaan serta dengan beberapa binatang jenisnya daripada rusa, kijang, pelanduk, napuh, sapi dengan segala perburuan yang dimakan oleh sekaliannya.

Di bawah pemerintahan Raja Merong Mahawangsa, Langkasuka terus membangun sebagai sebuah negeri yang masyhur yang dikunjungi ramai pedagang. Sementara itu, putera raja Rom pula telah hanyut ke Pulau Langkapuri dan akhirnya bertemu dengan puteri China yang telah dilarikan burung geroda ke situ. Walau bagaimanapun, kedudukan sebenar tempat yang bernama Langkasuka dan Pulau Langkapuri tidak dinyatakan dengan jelas oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Kisah pembukaan Patani pula tersurat dalam *Hikayat Patani* (Siti Hawa, 1991: 1-3) dengan kisah seorang raja yang memerintah Kota Maligai bernama Phaya Tu Kerub Mahajana. Beliau mempunyai seorang anak lelaki yang diberi nama Phaya Tu Antara. Setelah kematian bapanya, Phaya Tu Antara menjadi raja di Kota Maligai dengan memakai gelaran Phaya Tu Naqpa. Kegemaran beliau ialah berburu binatang di hutan. Sewaktu berburu di sebuah kawasan berhampiran pantai, anjing perburuannya telah menyalak ke arah seekor pelanduk berwarna putih. Pelanduk tersebut kemudian hilang di kawasan pantai. Raja Phaya Tu Naqpa pun berjalan di kawasan perburuan itu dan bertemu dengan seorang yang bernama Encik Tani. Baginda kemudian mengerahkan rakyat berbuat negeri di kawasan tersebut dan dinamakan Patani Dar al-Salam.

Kisah pembukaan negeri Patani di atas tidak jauh berbeza berbanding dengan kisah yang terdapat dalam *Hikayat Patani* versi Thai yang telah ditemui dan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris oleh Wyatt (1967). Wyatt dalam tulisannya mencatatkan penemuan sebuah versi *Hikayat Patani* (*Prawat Muang Pattani*) yang bertarikh tahun 1928. Dalam versi Thai ini (1967:19-20), diceritakan kisah anjing perburuan Phaya Intra yang menyalak seekor pelanduk putih (“albino mouse-deer”). Apabila Phaya Intra bertanya kepada pengikutnya, semuanya menjawab secara serentak “Pata ni lah!” yang membawa maksud pelanduk tersebut telah hilang di

kawasan pantai di situ. Phaya Intra terus mencari sehingga bertemu dengan seorang tua bernama Che' Tani. Lalu tempat tersebut dibuat negeri dan dinamakan sebagai Patani. Ada yang berpendapat nama Patani berasal daripada kisah pelanduk putih yang hilang di pantai, dan ada yang mengatakan nama Patani berasal daripada nama seorang tua, Che' Tani.

Beberapa sumber lain tentang Patani juga boleh ditemui dalam manuskrip Jawi yang masih belum diterbitkan lagi. Salah sebuah manuskrip Jawi yang dimaksudkan berjudul *Sejarah Petani* yang kini tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Kuala Lumpur (MS 809). Manuskrip masih dalam keadaan yang sangat baik dan bertarikh tahun 1202H (1787M). Terdapat halaman yang ditulis dengan kemas dan menarik serta dihiasi dengan corak yang berwarna-warni. Manuskrip berukuran 24.5 cm x 17 cm dan terdiri daripada 66 halaman. Nama pengarang tidak diketahui. Judul manuskrip disuratkan seperti yang berikut (hlm. 1): “Dengan ini hamba telah menulis sebuah kitab Sejarah Petani dengan ingat-ingatan”. Menurut penulis manuskrip ini, raja Patani yang mula-mula memeluk agama Islam bernama Raja Anistra (hlm. 1): “Ini raja Petani kedua yang membuka negeri Petani ialah Raja Anistra, raja ini mula-mula bawa Islam dan mula-mula sekali memeluk Islam di dalam Petani ini”.

Di Pusat Manuskrip Melayu juga terdapat sebuah salinan *Hikayat Patani* (MS 2933) yang berukuran 22 cm x 16 cm. Tulisan Jawi pada manuskrip masih terang dan mudah dibaca dengan menggunakan dakwat hitam dan merah. Manuskrip terdiri daripada 96 halaman dengan halaman 1-20 yang telah hilang. Manuskrip tanpa sebarang tarikh penulisannya. Salah satu ciri menarik pada manuskrip ini ialah ejaan nama bagi Patani dieja sebagai “Fathani” sama seperti ejaan yang digunakan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani sewaktu beliau membuat salinan *Tarikh Fathani*.

## **BEBERAPA PANDANGAN BAHARU**

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah muncul beberapa perbincangan baharu tentang sejarah kewujudan Langkasuka dan Patani, terutamanya dalam kalangan sarjana tempatan (Melayu, dan Thai atau Siam). Persoalan asal usul Langkasuka dan Patani kembali dibangkitkan, dipersoalkan, terutamanya dengan bersandarkan bahan bukti yang baharu. Antara sarjana yang dimaksudkan ialah Mohd. Zamberi (1988, 1994, 2007 dan 2011) yang telah meneliti beberapa tulisan baharu tentang Langkasuka, termasuk daripada kalangan penulis Thai (Siam). Rata-rata penulis Thai (Siam) dalam bidang sejarah dan arkeologi merujuk Langkasuka sebagai sebuah kawasan yang dikatakan terletak di Patani, khususnya di wilayah Yarang



**Rajah 1** *Sejarah Petani* (MS809), Pusat Manuskrip Melayu, Kuala Lumpur.

atau Jering sekarang ini. Dengan pandangan baharu ini, mereka secara langsung atau tidak langsung telah menolak pandangan awal tentang kemungkinan Langkasuka terletak di negeri Kedah. Mohd. Zamberi (2007:24) seterusnya pernah membuat suatu rumusan seperti yang berikut:

Sungguhpun dakwaan sejarah Langkasuka menjadi asas kepada kewujudan negeri-negeri Melayu Semenanjung berkerajaan Islam sekitar abad ke-14-16 Masihi, namun penyelidikan dan sarjana Thai cuba memesongkan fakta supaya menggambarkan Langkasuka sebuah kerajaan Melayu mengamalkan pengaruh purba Siam.

Persoalan asal usul Langkasuka merupakan suatu persoalan sejarah dan perkembangan sosiobudaya bangsa yang besar. Usaha untuk “memesong fakta” seharusnya tidak berlaku, sama ada pada pihak penulis Melayu atau pihak Thai

(Siam). Mohd. Zamberi ternyata telah membuat penelitian yang agak mendalam terhadap tulisan para sarjana silam tentang Langkasuka dan Patani, di samping turut menggunakan bahan hasil kajian sarjana tempatan. Tidak ketinggalan, Mohd. Zamberi turut menggunakan sumber baharu berdasarkan sebuah naskhah Melayu yang berjudul *Tarikh Fathani*. Demikian sumber tersebut pernah diperikan oleh Mohd. Zamberi (2007:14):

Kitab *Tarikh Patani*, tahun 1400M. yang menceritakan secara terperinci mengenai sosio-budaya masyarakat penduduk Langkasuka, geo-ekonomi, tamadun, politik, serta kesinambungan antara Langkasuka-Patani.

Penggunaan naskhah *Tarikh Fathani* oleh Mohd. Zamberi mengundang tarikan untuk didekati secara lebih mendalam. Dari satu sudut, penghargaan harus diberikan kepada sarjana tempatan yang telah menggunakan sumber persuratan Melayu dalam merungkai persoalan sejarah. Mungkin sumber tempatan memiliki maklumat yang lebih tepat dan sahih tentang apa yang berlaku pada masa silam. Penggunaan naskhah



**Rajah 2** Kesan runtuhan purba di Yarang, Patani.

*Sumber: Koleksi Penulis, 2012.*

seperti *Tarikh Fathani* dalam penulisan sejarah dan perkembangan sosiobudaya juga boleh mengukuhkan bidang persuratan Melayu. Dari sudut yang lain pula, penggunaan naskhah Melayu ada peraturannya yang tersendiri, yang perlu diberikan perhatian teliti, agar apa-apa pandangan yang lahir daripadanya dapat dipertahankan kewibawaannya. Misalnya, tulisan Mohd. Zamberi bahawa *Tarikh Patani (Tarikh Fathani)* dihasilkan pada tahun 1400M hanya suatu andaian dan masih boleh dipersoalkan lagi.

### **NASKHAH *TARIKH FATHANI***

*Tarikh Fathani* merupakan sebuah naskhah yang masih agak baru diketahui dalam sejarah persuratan Melayu. Masih belum banyak lagi perbicaraan sarjana yang dibuat terhadapnya. Banyak penulisan tentang sejarah raja-raja, kerajaan dan masyarakat awal Patani sebelum ini juga dibuat tanpa rujukan kepada *Tarikh Fathani*. Usaha Wan Mohd. Shaghir menerbitkan transliterasi *Tarikh Fathani* seawal tahun 1990 yang lalu telah membuka satu lembaran baharu dalam kajian penaskhahan Melayu terutamanya bagi naskhah yang mengandungi catatan sejarah awal bangsa, tamadun dan agama. Penggunaan perkataan “Tarikh” pada judul karya memberikan gambaran tentang isi kandungannya yang berhubungan dengan catatan sejarah bagi negeri Patani pada masa lalu.

Syeikh Faqih Ali dalam bahagian mukadimah karyanya mencatatkan judulnya sebagai “Tarikh Petani”, atau ada juga disebutnya sebagai “Risalat Tarikh Petani” (*Tarikh Fathani*, 2002:3). Walau bagaimanapun, sewaktu karya tersebut disalin semula oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani pada tahun 1813, beliau tidak lagi menggunakan ejaan “Tarikh Petani”, sebaliknya menukarkannya kepada ejaan “Tarikh Fathani” (*Tarikh Fathani*, 2002:1). Wan Mohd. Shaghir juga sewaktu menerbitkan karya tersebut telah menggunakan ejaan “Tarikh Fathani” itu. Oleh itu, dalam makalah ini, penulis mengekalkan ejaan *Tarikh Fathani* sebagaimana yang tertera pada halaman judul karya terbitan Wan Mohd. Shaghir pada tahun 2002 tersebut.

Pengarang asal *Tarikh Fathani* ialah Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Syeikh Shafiuddin (atau digelar sebagai Tok Raja Faqih), yang dianggarkan bertarikh sekitar abad ke-17 yang lalu. Malangnya, *Tarikh Fathani* yang ada sekarang bukanlah naskhah yang asal, sebaliknya hanya merupakan naskhah salinan sahaja. Naskhah *Tarikh Fathani* telah mengalami beberapa kali proses salinan, dan mungkin juga suntingan daripada penyalinnya. Setakat yang diketahui kini, terdapat dua buah penerbitan lengkap *Tarikh Fathani* yang telah diusahakan oleh Wan Mohd. Shaghir seperti yang berikut:



*Tarikh Fathani* (Versi Salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani)

Naskhah terbitan Khazanah Fathaniyah pada tahun 1998 yang mengandungi transliterasi Rumi yang lengkap bagi *Tarikh Fathani*. Transliterasi telah dibuat oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah berasaskan salinan naskhah yang dibuat oleh seorang murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani yang bernama Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani (yang berasal dari Bendang Daya). Tarikh naskhah salinan Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani tiada dinyatakan. Menurut Wan Mohd. Shaghir Abdullah (*Tarikh Fathani*, 2002: 1-2), naskhah asal tulisan Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani masih berada dalam simpanannya tetapi dalam keadaan “sudah sangat uzur atau rosak”. Transliterasi Rumi *Tarikh Fathani* pernah diterbitkan seawal tahun 1990.

*Tarikh Fathani* (Versi Salinan Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad bin Abdul Ra’uf Jeringa)

Naskhah *Tarikh Fathani* salinan Jawi telah diterbitkan oleh Khazanah Fathaniyah pada tahun 2002. Naskhah ini hasil salinan Jawi yang dibuat oleh Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad bin Haji Abdul Ra’uf Jeringa yang bersumber daripada naskhah Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani. Oleh itu, naskhah yang diterbitkan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah pada tahun 2002 sebenarnya naskhah Jawi salinan oleh Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad, bertarikh pada 1388H (1968). Menurut keterangan Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2002:2), naskhah asal milik Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani yang pernah dimiliki oleh Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad telah musnah terbakar.

Naskhah salinan Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad bin Haji Abdul Ra’uf Jeringa ini bertulisan Jawi yang kemas dan mudah dibaca dalam 23 halaman. Naskhah terdiri daripada 19 baris pada satu halaman yang tertulis di dalam bingkai yang mempunyai lakaran corak hiasan. Naskhah ini lengkap dengan sebuah mukadimah daripada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani sewaktu beliau menyalin naskhah pada tahun 1228H (1813). Dalam mukadimah ini, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani mencatatkan sumber naskhah *Tarikh Fathani* karangan Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafuiddin.

Penelitian yang dibuat mendapati kedua-dua terbitan *Tarikh Fathani* oleh Wan Mohd. Shaghir (terbitan Rumi tahun 1998 dan terbitan Jawi tahun 2002) mengandungi isi yang sama, kecuali sedikit perbezaan dari segi ejaan dan penggunaan bahasa. Dengan ini, boleh dikatakan Sha’rani bin Haji Abdullah Ahmad bin Haji Abdul

Ra'uf Jeringa telah melakukan penyalinan naskhah *Tarikh Fathani* dengan teliti tanpa membuat banyak tokok tambah kepada isi kandungannya.

Dari sudut penelitian filologi, naskhah *Tarikh Fathani* yang diterbitkan oleh Wan Mohd. Shaghir mempunyai permasalahannya yang tersendiri. Oleh sebab naskhah asal bagi manuskrip yang diterbitkan itu tidak dapat dirujuk (akibat hilang atau rosak), maka kajian lanjut terhadap naskhah tidak dapat dilakukan oleh para peneliti. Hal ini menyebabkan persoalan yang berhubungan dengan kertas, dakwat, keadaan manuskrip, tarikh penulisan atau penyalinan manuskrip tidak dapat diketahui secara tepat. Penulis berpandangan, sudah sampai masanya pihak Khazanah Fathaniyah menyerahkan manuskrip *Tarikh Fathani* yang dikatakan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah berada dalam keadaan “sudah sangat uzur atau rosak” kepada pihak Pusat Manuskrip Melayu di Kuala Lumpur untuk tujuan pemuliharaan. Manuskrip yang telah dipulihara mungkin boleh memberikan lebih banyak ruang kepada penelitian filologi pada masa hadapan.

### **PENGARANG DAN PENYALIN *TARIKH FATHANI***

Latar hidup pengarang *Tarikh Fathani*, Syeikh Faqih Ali, tidak banyak yang diketahui. Gelaran “Syeikh” memberikan gambaran tentang kedudukannya sebagai seorang yang berpendidikan agama yang tinggi dan dihormati dalam masyarakat. Dalam mukadimah *Tarikh Fathani*, beliau ada menyatakan tentang permintaan sultan Patani supaya beliau mengarang sejarah Patani. Keterangan ini memberikan gambaran tentang kedudukan Syeikh Faqih Ali selaku orang yang rapat dengan istana, mungkin sebagai pembesar, penasihat atau ahli sejarah di istana Patani ketika itu. Kedudukan Syeikh Faqih Ali mungkin menyamai kedudukan Nuruddin al-Raniri yang mengarang *Bustan al-Salatin* di Aceh pada tahun 1638 atas permintaan sultan Aceh ketika itu. Permintaan sultan Patani kepada Syeikh Faqih Ali tercatat pada bahagian mukadimah *Tarikh Fathani* (2002:3) seperti berikut:

Perhamba seorang yang tak berguna, lagi hina, Syeikh Faqih ‘Ali bin Muhammad bin Shafiuddin, dititah oleh sultan banyak kali supaya mengarang dan menyusun *Tarikh Fathani* kerana takut hilang riwayat kisah-kisah purbakala.

Wan Mohd. Shaghir (1998:32), dalam penelitiannya terhadap Syeikh Faqih Ali mendapati pengarang tersebut merupakan salah seorang pembesar dalam istana kesultanan Patani yang pernah terlibat dalam peperangan menentang pencerobohan Thai (Siam) terhadap Patani pada tahun 1632. Berdasarkan tarikh tahun 1632 ini,

ada kemungkinan Syeikh Faqih Ali hidup dan berkhidmat di istana Patani sewaktu di bawah pemerintahan Raja Ungu (1624-1635). Keterangan ini juga boleh memberikan gambaran bahawa tarikh Syeikh Faqih Ali menulis *Tarikh Fathani* adalah sekitar tahun 1624-1635, iaitu hampir-hampir sezaman dengan kehadiran Nuruddin al-Raniri di Aceh.

Sebagai seorang penulis sejarah, Syeikh Faqih Ali memperlihatkan beberapa asas kepentingan sumber maklumat atau sumber rujukan yang digunakannya ketika itu. Dalam bahagian mukadimah tulisannya, beliau dengan jelas menyatakan empat sumber rujukannya yang utama, yang dapat diringkaskan seperti yang berikut:

Sumber daripada sultan Patani

Bahawasanya sultan telah memberi riwayat kisah-kisah sangat banyak dan boleh tulisan-tulisan peringatan (zuriat-zuriat) orang-orang tua titih raja Patani asli kurun yang lama.

(*Tarikh Fathani*, 2002:3)

Sumber daripada orang Ligur yang beragama Buddha

Maka adalah orang Legur agama Buddha telah tua umurnya dia tahu bahasa Hindu dan Buddha, dia terjemah dapat banyaklah kepada perhamba.

(*Tarikh Fathani*, 2002:3)

Sumber daripada kitab tulisan datuknya

Syahdan ada tulis bahasa ‘Arabiyah daripada nenek perhamba Shafiuddin, maka bahasa ‘Arabiyah ini perhamba fahamlah dan senanglah ambil maknanya’.

(*Tarikh Fathani*, 2002:3)

Sumber daripada orang Jawa dari Bogor

Dan orang datang daripada Bogor, seorang asalnya datang daripada Bogor, Jawa duduk tumpang sultan Patani, dan dia tahu bahasa Jawa, dan banyaklah tolong perhamba.

(*Tarikh Fathani*, 2002:3)

Berdasarkan keempat-empat sumber maklumat yang dinyatakan di atas, Syeikh Faqih Ali sudah pun memberikan sifat “ilmiah” pada penulisannya, sekurang-kurangnya dalam konteks penulisan sejarah pada abad ke-17 yang lalu. Sumbernya

merangkumi bahan yang berada dalam simpanan raja Patani ketika itu, mungkin terdiri daripada pelbagai catatan sejarah, diari istana, hikayat, salasilah, surat dan sebagainya. Bagi membantunya memahami bahan daripada sumber Thai (Siam), beliau telah mendapat khidmat seorang Thai (Siam) yang berpengalaman, dan bagi bahan daripada sumber Jawa, beliau dibantu oleh seorang bijak pandai yang berasal dari Jawa. Lebih menarik lagi, Syeikh Faqih Ali juga telah menggunakan bahan yang pernah ditulis oleh datuknya sendiri yang bernama Syeikh Shafiuddin. Syeikh Faqih Ali mencatatkan sumbernya (*Tarikh Fathani*, 2002:7):

Syahdan ada tulisan bahasa ‘Arabiyah daripada nenek perhamba Shafiuddin, maka bahasa ‘Arabiyah ini perhamba fahamlah dan senanglah ambil maknanya.

Identiti sebenar Syeikh Shafiuddin masih menjadi tanda tanya kerana ketiadaan bahan bertulis yang lebih sahih tentang sejarah kehidupannya. Dalam *Hikayat Patani*, ada diceritakan kisah kedatangan seorang alim dari Pasai ke Patani pada zaman pemerintahan Sultan Mudaffar Syah (1530-1564). Orang alim tersebut bernama Syeikh Safiuddin. Beliau akhirnya berjaya meyakinkan Sultan Mudaffar Syah agar membina sebuah masjid di Patani dan seterusnya melaksanakan syariat Nabi Muhammad di Patani. Atas jasa-jasanya, Syeikh Safiuddin telah dikurniai dengan gelaran sebagai “Fakih”. Ada kemungkinan, Syeikh Shafiuddin yang tercatat dalam *Tarikh Fathani* ialah orang yang sama dengan Syeikh Safiuddin yang berasal dari Pasai seperti yang tersurat dalam *Hikayat Patani*. Demikian kisah Syeikh Safiuddin itu diceritakan dalam *Hikayat Patani* (Siti Hawa, 1991:10):

Hatta antara berapa lamanya maka datang pula seorang Pasai bernama Syeikh Safiuddin. Maka Syeikh Safiuddin pun berbuat rumah di padang di luar pintu gerbang itu. Arakian maka Syeikh Safiuddin pun dipanggil raja bertanyakan perintah agama Islam. Maka sembah Syeikh Safiuddin, “Adapun negeri Islam itu mahulah ada sebuah masjid tempat segala rakyat menyembah Allah Taala, maka nyatalah agama Islam, dan jikalau tiada masjid itu jua tiadalah kenyataan agama Islam itu”. Arakian maka Sultan Mudaffar Syah pun memberi titah kepada Bendahara menyuruh berbuat masjid seperti sembah Syeikh Safiuddin itu. Hatta maka masjid itu pun diperbuat sudahlah, maka Syeikh Safiuddin pun dikurniai nama Fakih.

Menurut Wan Mohd. Shaghir (1998 dan 2002), datuk kepada Syeikh Faqih Ali ialah seorang ulama dari Tanah Arab yang dikenali sebagai Syeikh Shafiuddin al-Abbasi. Beliau dikatakan datang ke Patani sekitar tahun 1400M dan mengarang sebuah kitab tentang sejarah Patani dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, pernyataan

ini masih pada peringkat andaian. Tahun kedatangannya ke Patani pada 1400M juga hanya suatu andaian sahaja kerana tiada bukti yang jelas tentangnya. Tarikh kehadiran Syeikh Shafiuddin di Patani pada zaman pemerintahan Sultan Mudaffar Syah (1530-1564) seperti tercatat dalam *Hikayat Patani* lebih meyakinkan. Syeikh Shafiuddin berkemungkinan besar pernah mengarang sebuah kitab tentang sejarah Patani dalam bahasa Arab yang pernah berada dalam simpanan cucunya, Syeikh Faqih Ali. Malangnya, judul dan bentuk penulisan tersebut tidak pula dinyatakan oleh Syeikh Faqih Ali.

Oleh itu, penulis berpendapat, *Tarikh Fathani* ialah sebuah karya yang tersendiri dan asli lahir daripada minda kepengarangan Syeikh Faqih Ali pada abad ke-17 yang lalu. Karya tersebut bukan merupakan terjemahan atau susunan semula daripada karya karangan datuknya, Syeikh Shafiuddin. Karya berbahasa Arab karangan Syeikh Shafiuddin hanyalah satu daripada bahan rujukan yang digunakan oleh Syeikh Faqih Ali sewaktu beliau mengarang *Tarikh Fathani*. Hanya dua kali sahaja Syeikh Faqih Ali merujuk kitab tulisan datuknya dengan menyebut namanya sebagai “Syeikh Shafiuddin”. Salah satu petikan sumber tersebut adalah seperti yang berikut (*Tarikh Fathani*, 2002:8-9):

Kita dapat dengar nama tulisan Syeikh Shafiuddin, rajanya nama Mahabangsa perintah negeri Lanqasuka ini. Raja ini sangat-sangat banyak isteri tetapi tiada kahwin. Maka anak pun dapat banyaklah. Dan anak-anak itu dihantar merintah rata-rata di dalam kawasan negeri Lanqasuka dan satunya di Petani.

Tidak kurang pentingnya juga ialah penyalin *Tarikh Fathani*, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani (1769-1847), salah seorang ulama Alam Melayu yang tersohor sekitar abad ke-19 yang lalu. Usaha Syeikh Daud menyalin naskhah *Tarikh Fathani* pada tahun 1228H (1813) sangat besar ertinya sehingga naskhah tersebut masih boleh dibaca sehingga hari ini. Kedudukan Syeikh Daud sebagai ulama terbukti melalui puluhan buah kitab agama yang telah dihasilkannya. Walau bagaimanapun, kajian oleh Ismail Che Daud (2001) tentang latar hidup Syeikh Daud tiada mencatatkan apa-apa tulisan atau salinan Syeikh Daud terhadap *Tarikh Fathani*.

Sewaktu membuat salinan *Tarikh Fathani* pada tahun 1813, Syeikh Daud turut memberikan mukadimah terhadap karya tersebut. Mukadimah tersebut antara lain bermula dengan pernyataan (*Tarikh Fathani*, 2002:1), “Ini suatu risalat aku salin daripada Syeikh Faqih Ali, iaitu *Tarikh Fathani* pada zaman lama”. Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini, dalam mukadimahnya ini, Syeikh Daud telah menggunakan ejaan baharu bagi “Tarikh Petani” iaitu “Tarikh Fathani”. Sebab-sebab bagi penukaran istilah itu tiada pula disebutkan oleh Syeikh Daud.

Di samping itu, Syeikh Daud turut mengisi bahagian mukadimahnya dengan suatu pernyataan tentang penulisan sejarah masa silam yang “payah tahu kebenaran yang sah” kerana banyak dipenuhi dengan unsur “riwayat”. Walaupun begitu, beliau tetap menasihati pembaca agar mencari mana-mana bahagian “riwayat itu yang betul” terutamanya dalam usaha untuk “mengenal asal usul daripada masa zaman dahulu”. Beliau seterusnya memberikan pujian kepada Syeikh Faqih Ali yang telah “membuka mata perhamba segala-gala hikayat dan tarikh-tarikh lama”. (*Tarikh Fathani*, 2002: 2). Pernyataan daripada Syeikh Daud ini menyerlahkan kesedaran beliau tentang sejarah masa lampau untuk kepentingan masyarakat Melayu di Patani, walaupun catatan sejarah itu tersembunyi dan bercampur-baur dalam bentuk riwayat dan hikayat. Mungkin atas dasar kepentingan sejarah itulah, Syeikh Daud telah berusaha menyalin *Tarikh Fathani* pada tahun 1813 yang lalu. Keseluruhan proses penulisan, penyalinan dan penerbitan *Tarikh Fathani* dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Sejarah penulisan, penyalinan dan penerbitan *Tarikh Fathani*.

<b>Nama Pengarang atau Penyalin</b>	<b>Masa</b>	<b>Judul</b>	<b>Tempat</b>	<b>Kedudukan Naskhah</b>
Syeikh Faqih Ali	Abad ke-17 (1624-1635)	<i>Tarikh Petani</i>	Patani	MS asal telah hilang
Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani	1228H (1813)	Penyalin <i>Tarikh Petani</i> dengan judul baru <i>Tarikh Fathani</i>	Patani	MS asal telah hilang
Syeikh Wan Muhammad Zain bin Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani.	Tiada diketahu	Penyalin Tarikh Fathani milik Syeikh Daud	Bendang Jaya	MS asal berada dalam simpanan Khazanah Fathaniyah. Transliterasi lengkap oleh Wan Mohd. Shaghir telah terbit pada tahun 1998.
Sha'rani bin Haji Abdullah Ahmad bin Haji Abdul Ra'uf Jeringa	1388H (1968)	Penyalin <i>Tarikh Fathani</i> milik Syeikh Wan Muhammad Zain	Jering, Patani	Salinan Jawi berada dalam simpanan Khazanah Fathaniyah. Naskhah Jawi telah diterbitkan oleh Wan Mohd. Shaghir pada tahun 2002.

## ASAL USUL LANGKASUKA DAN PATANI DALAM *TARIKH FATHANI*

Sebagai sebuah naskhah yang tidak kurang tua usianya, *Tarikh Fathani* mengandungi banyak catatan maklumat yang unik dan asli tentang sejarah awal Patani, merangkumi asal usul negeri, raja, agama, kepercayaan, amalan adat istiadat, penggunaan bahasa dan sebagainya. Naskhah ini boleh dikategorikan sebagai salah sebuah karya historiografi Melayu, atau lebih khususnya sebagai sebuah kronik raja-raja Langkasuka dan Patani. Walaupun mutu penulisan atau seni bahasa *Tarikh Fathani* agak jauh lebih rendah berbanding dengan *Hikayat Patani* atau karya historiografi Melayu yang lain, tetapi maklumat yang terhimpun di dalamnya begitu tersendiri sifatnya yang sukar untuk diperolehi dalam karya yang lain.

Antara maklumat yang sangat penting dalam *Tarikh Fathani* ialah yang berhubungan dengan asal usul Langkasuka. Sepanjang yang diketahui kini, naskhah *Tarikh Fathani* ialah karya Melayu yang paling banyak menceritakan asal usul Langkasuka. Naskhah ini memulakan sejarah penubuhan kerajaan Patani dengan pengasasan sebuah kerajaan purba yang diberi nama Langkasuka. Dalam *Tarikh Fathani*, bahagian asal usul Langkasuka (dieja Lanqasuka) bermula dengan kata-kata seperti yang berikut (2002:4):

Ini kisah riwayat hikayat raja Lanqasuka, raja merintah hukumah ini, agamanya Hindu dan Barhaman, ibu ‘ashimah di negeri Kedah waktu sekarang. Kita nahnu, tiada tahu bila mula, akan kata setengah-setengah orang tua, belum Nabi Isa Mariam zahir, orang-orang Cina datang bertijarah di negeri ini, ada juga disebutnya negeri Lanqasuka. Dan katanya riwayat kisah ini ada raja selepas Isa bin Mariam zahirnya dua ratus tahun, tetapi Cina itu sebut katanya mengikut sanah Cina, berbetulan lebih kurang selepas Isa zahir dua ratus tahun. Dan negeri hukumah ini ikut agama orang-orang Hindi datang berdagang ada tempat pulau, tiga jazirah, dekat Kedah, namanya ikut negeri ini. Di situlah tempat orang-orang Hindi berdagang daripada negeri Jurapati. Dan kawalan negeri Lanqasuka ini masuk Legur dan Sanjura, dan tempat pelabuhan besarnya Petani. Tetapi kita tiada tahu di mana tempat kerana negeri Petani waktu itu namanya belum jadi Petani.

Petikan ini dengan jelas menyatakan Langkasuka merupakan sebuah wilayah yang terletak di negeri Kedah. Negeri tersebut bermula sekitar tahun 200 Masihi, dan tarikh ini agak selaras dengan pandangan sarjana Barat tentang kewujudan Langkasuka pada abad kedua Masihi. Langkasuka ketika itu menjadi sebuah kerajaan yang besar yang merangkumi kerajaan Legur (Ligor), Sanjura (Senggora) dan Patani yang menjadi pelabuhan utamanya. Patani sebagai sebuah kerajaan yang tersendiri masih lagi belum wujud ketika itu. Pada zaman awalnya, raja-raja dan

penduduk Langkasuka beragama Hindu dan Buddha (aliran Brahmanisme). Ramai pedagang dari China, India, Arab dan Parsi datang berniaga di pelabuhan tersebut. Waris raja Lanqasuka di Kedah telah memberikan kuasa kepada raja Patani untuk memerintah Legur dan Sanjura. Jarak lama perjalanan antara Kedah dengan Patani dengan menaiki gajah ketika itu ialah selama sebulan 25 hari (*Tarikh Fathani*, 2002: hlm. 5).

Kisah tentang Patani diteruskan oleh pengarang *Tarikh Fathani* (2002, hlm. 6) dengan kata-kata, “Syahdan riwayat hikayat raja Petani zaman dahulu itu ialah pelabuhan besar bagi negeri Lanqasuka ini, dan tempat masyhur berniaga berdagang”. Pusat pelabuhannya terletak di kawasan yang dinamakan “Kampung Ghu Sembilan”. (*Tarikh Fathani*, 2002: 7) yang berhampiran dengan laut. Nama raja pemerintah Lanqasuka ketika itu ialah Raja Mahabangsa. Kebanyakan penduduknya penganut Hindu dan Buddha dan banyak kuil Hindu-Buddha dibina di Lanqasuka pada masa itu.

Pada tahun 750 M, Raja Seri Bijaya dari Balimban (Palembang) telah datang menyerang Lanqasuka dan berjaya menakluki negeri tersebut. Setelah menang dalam peperangan, Raja Seri Bijaya mencari kawasan baharu untuk dibuat kota dan negeri. Beliau akhirnya bertemu dengan sebuah kawasan pertanian subur yang dinamakan sebagai Tok Tani. Tempat tersebut kemudiannya dipanggil sebagai Pak Tani, dan akhirnya menjadi Petani sahaja (*Tarikh Fathani*, 2002: 9-10). Demikianlah bermulanya sejarah kewujudan negeri Petani yang berlaku pada pertengahan abad kelapan yang lalu.

Kekuatan Petani semakin terserlah setelah Raja Seri Bijaya berjaya menguasai beberapa negeri lain supaya tunduk di bawah kekuasaannya. Musuh utama Petani ketika itu ialah raja Khemir. Tidak lama kemudian berlaku peperangan antara Seri Wijaya (Srivijaya) dengan Sulandra (Sailendra) dan raja Petani telah bersekutu dengan Srivijaya.

Pada tahun 775M, raja daripada Seri Wijaya (Srivijaya) telah berkahwin dengan puteri raja Lanqasuka dan menjadikan Legur sebagai ibu kotanya (*Tarikh Fathani*, 2002:11). Perkahwinan tersebut telah melahirkan seorang putera bernama Raja Bangsa yang ditabalkan sebagai raja Lanqasuka. Raja Bangsa mempunyai dua orang putera, iaitu Antira Bangsa yang menjadi raja Legur dan Cantera Bangsa yang menjadi raja Lanqasuka.

Raja Antira Bangsa mempunyai seorang anak bernama Raja Antirata Bangsa yang menjadi raja Petani pada tahun 800M. Raja Antirata Bangsa pula melahirkan seorang putera bernama Raja Antirata Dewa Bangsa yang kemudiannya menjadi raja Petani. Puteri Raja Antirata Bangsa berkahwin dengan seorang putera saudagar dari Parsi yang bernama Sulaiman Syah. Tidak lama selepas itu, raja dan penduduk



Petani semakin ramai yang bertukar daripada agama Hindu-Buddha kepada agama Islam. Malah penduduk Melayu di Langkasuka dan Patani ketika itu terbahagi kepada dua golongan, iaitu orang Melayu yang beragama Islam dan orang Melayu yang beragama Hindu-Buddha.

Sejarah asal usul Langkasuka dan Patani seperti yang tercatat dalam *Tarikh Fathani* memerlukan suatu penelitian yang lebih lanjut khusus secara perbandingannya dengan sumber lain. Penulisan teks tersebut oleh Syeikh Faqih Ali abad ke-17 yang lalu (sekitar tahun 1624-1635) perlu dinilai secara lebih teliti pada masa hadapan. Tempoh masa penceritaan melangkaui 600 tahun (antara tahun 200M-800M) dan melibatkan banyak kisah asal usul yang sukar dibuktikan secara konkrit.

Pernyataan pengarang *Tarikh Fathani* bahawa Langkasuka berada di negeri Kedah merupakan suatu maklumat yang tidak boleh dipandang ringan. Pernyataan ini merupakan “bukti bertulis” daripada sumber tempatan tentang kedudukan Langkasuka yang dikatakan berada di negeri Kedah ketika itu. Malangnya, lokasi sebenar kerajaan Langkasuka itu bertapak di negeri Kedah tidak dinyatakan dengan tepat oleh pengarang *Tarikh Fathani*. Maklumat yang terkandung dalam *Tarikh Fathani* tersebut hampir menyamai dengan apa yang tersurat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Dikatakan, pada masa Raja Merong Mahawangsa berangkat pulang ke Rom, nama Langkasuka telah ditukar kepada negeri Kedah Zamin Turan. Sejak itu nama Langkasuka tiada disebutkan lagi dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, sebaliknya digantikan dengan negeri Kedah. Cerita asal usul Langkasuka yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ternyata berbeza daripada cerita yang terdapat dalam *Tarikh Fathani*, tetapi kedua-dua naskhah masih mengaitkan sejarah kewujudan Langkasuka dengan negeri Kedah.

Suatu perbandingan lain boleh dilakukan antara *Tarikh Fathani* dengan *Hikayat Patani*. *Hikayat Patani* tiada memberikan apa-apa catatan tentang kewujudan kerajaan Langkasuka seperti yang terakam dalam *Tarikh Fathani*. Walau bagaimanapun, *Hikayat Patani* banyak memerikan kisah asal usul negeri Patani dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Dalam hal ini, penelitian penulis mendapati, kisah Raja Phaya Tu Naqpa membuka negeri Patani yang berasaskan nama seorang yang mengatakan dirinya Encik Tani yang terakam dalam *Hikayat Patani* adalah seakan-akan hampir menyamai kisah pembukaan negeri Patani seperti yang terdapat dalam *Tarikh Fathani*. Dalam *Tarikh Fathani*, Raja Seri Bijaya menemui seorang yang bernama Tok Tani atau Pak Tani, dan akhirnya menamakan negeri yang dibukanya sebagai Patani.

Peristiwa yang menceritakan kisah pembukaan negeri Patani dalam *Hikayat Patani* dan *Tarikh Fathani* tidaklah sama seratus peratus, tetapi kemungkinan hubungan sumber antara kedua-dua buah cerita itu tetap ada. Ada kemungkinannya

kedua-dua teks bersumber daripada sebuah sejarah asal usul Patani yang sama. Dinilai dari sudut ini, besar kemungkinannya kisah asal usul Patani daripada nama seorang lelaki yang bernama Pak Tani seperti yang terakam dalam *Hikayat Patani* dan *Tarikh Fathani* ada kebenarannya, sekurang-kurangnya seperti yang hidup dalam pengetahuan masyarakat awal di Patani.

*Tarikh Fathani* tidak mencatatkan dengan jelas siapakah sultan Patani yang pertama memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, Syeikh Faqih Ali banyak menceritakan kedatangan ramai saudagar Islam dari Tanah Arab dan Parsi ke Patani dan seterusnya berkahwin dengan orang tempatan. Keadaan tersebut sudah pasti membawa kepada perkembangan agama Islam di Patani. Malah, Syeikh Faqih Ali turut menuliskan kisah seorang anak saudagar dari Parsi yang bernama Sulaiman Syah yang berkahwin dengan seorang puteri sultan Patani (*Tarikh Fathani*, 2002: 22) sebagai contoh tahap awal penerimaan Islam di istana Patani ketika itu.

Berdasarkan catatan *Hikayat Patani* dan susunan sejarah kesultanan Islam di Patani, pemerintahan Islam di Patani bermula dengan seorang ketua bernama Phaya Tu Kerub Mahajana yang memerintah di Kota Maligai. Tempatnya kemudian diambil alih oleh anaknya yang bernama Phaya Tu Naqpa. Semasa pemerintahannya, baginda telah mendapat sakit aneh dan hanya berjaya diubati oleh seorang alim dari Pasai bernama Syeikh Sa'id. Selepas sembuh daripada sakit, baginda lalu memeluk agama Islam dengan memakai gelaran Sultan Ismail Syah Zillullah fi Alam. Kisah tentang Kota Maligai, Phya Tu Kerub Mahajana, Phaya Tu Naqda/Sultan Ismail dan Syeikh Sa'id tiada tercatat dalam *Tarikh Fathani*.

Menurut *Hikayat Patani*, Sultan Ismail Syah telah meletakkan asas kepada kemajuan Islam di Patani. Baginda kemudiannya digantikan oleh Sultan Muzafar Syah/Sultan Mudaffar Syah (m.d. 1564). Sejarah pemerintahan raja-raja Patani bersambungan dengan Sultan Mansur Syah (1564-1572), Raja Patik Siam (1572-1573) dan Raja Bahadur Syah (1573-1584). Takhta kerajaan Raja Bahadur Syah diambil alih pula oleh tiga orang puteri baginda bernama Raja Hijau (1584-1616), Raja Biru (1616-1624) dan Raja Ungu (1624-1635). Pemerintahan raja perempuan di Patani diwarisi pula oleh puteri kepada Raja Ungu bernama Raja Kuning (1635-1688) yang berkahwin dengan Yang di-Pertuan Muda Johor. Beberapa persamaan dan perbezaan antara *Hikayat Patani* berbanding dengan *Tarikh Fathani* dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 2.

Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini, ramai sarjana berpendapat lokasi kerajaan Langkasuka masa silam kini terletak di kawasan yang dikenali sebagai Yarang atau Jering di Patani sekarang. Kawasan Yarang tersebut juga dikatakan menjadi lokasi terletaknya Kota Maligai (Kota Mahligai) yang menjadi pusat pemerintahan raja-raja Patani. Pernyataan ini pastinya memerlukan penelitian yang

lebih mendalam pada masa hadapan. Nama Kota Maligai memang ada tersurat dalam *Hikayat Patani*, tetapi nama Kota Maligai, atau Kota Yarang ternyata tiada tercatat dalam *Tarikh Fathani*.

Penulis berpeluang membuat dua kali kunjungan ke kawasan Yarang (Mei 2002 dan Oktober 2012), dan menyaksikan kesan peninggalan kota purba di situ. Memang tidak dinafikan tentang wujudnya kota purba yang sangat unik di kawasan tersebut, termasuk tapak kuil Hindu-Buddha yang telah berusia ratusan tahun. Persoalannya, kalaulah benar kawasan tersebut merupakan tapak bagi Kota Langkasuka, atau Kota Maligai, mengapakah pula Syeikh Faqih Ali tiada menyebut namanya dalam *Tarikh Fathani* pada abad ke-17 yang lalu? Apakah Syeikh Faqih Ali telah terlepas pandang tentang sejarah purba yang terdapat di Yarang? Atau, mungkinkah kerana bagi Syeikh Faqih Ali, Langkasuka bukannya terletak di Patani, sebaliknya sebuah kerajaan lama yang terletak di negeri Kedah seperti yang disuratkannya dalam *Tarikh Fathani*?

**Jadual 2** Persamaan dan perbezaan antara *Hikayat Patani* berbanding dengan *Tarikh Fathani*.

<i>Hikayat Patani</i>	<i>Tarikh Patani</i>
Raja pertama: Phaya Tu Kerub Mahajana pemerintah Patani. Nama Lanqasuka tiada dinyatakan. Tarikh tidak dinyatakan.	Kerajaan Langkasuka diasaskan pada tahun 200 Masihi. Salah seorang raja bernama Raja Mahabangsa yang memerintah kerajaan Lanqasuka (termasuk Patani). Tarikh pemerintahan Raja Mahabangsa tidak dinyatakan.
Raja Islam yang pertama: Phaya Tu Naqpa (Sultan Ismail Syah). Membuka Patani berdasarkan nama Encik Tani.	Raja Seri Bijaya membuka Patani pada tahun 750 Masihi berasaskan nama Tok Tani atau Pak Tani. Nama sultan Islam yang pertama tidak dinyatakan.
Lokasi Patani: Kota Maligai.	Berkemungkinan di Ghu Sembilan.
Raja Patani diislamkan oleh Syeikh Sa'id (dari Pasai).	Tiada mencatatkan nama Syeikh Sa'id.
Terdapat seorang alim bernama Syeikh Safiuddin.	Raja Patani diislamkan oleh seorang alim bernama Syeikh Shafiuddin (datuk pengarang <i>Tarikh Fathani</i> , Syeikh Faqih Ali).


## KESIMPULAN

Zaman pemerintahan raja-raja Islam di Patani telah meletakkan asas kukuh kepada pembentukan sebuah pemerintahan Melayu-Islam di Patani lengkap dengan adat istiadat, undang-undang, agama dan pembangunan ekonomi serta sosiobudayanya. Kesultanan Patani muncul sebagai salah sebuah kerajaan yang kuat yang berpaksikan agama Islam sehingga pernah berjaya menguasai dan menaungi raja-raja Kedah, Kelantan dan Terengganu. Zaman kegemilangan kesultanan Patani turut memacu kegemilangan ilmu dengan kehadiran ramai ulama dan pengarang yang tersohor di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, sebelum agama Islam berkembang pesat di Patani, agama tersebut tetap melalui proses awal yang rencam, terutamanya dalam menghadapi pegangan kental masyarakat awal Patani kepada kepercayaan Hindu dan Buddha seperti yang tercatat dalam *Tarikh Fathani*. Karya sejarah nukilan Syeikh Faqih Ali pada abad ke-17 tersebut mengandungi pelbagai catatan penting tentang sejarah awal Patani yang bersambungan daripada kerajaan Langkasuka. Menurut naskah tersebut, negeri Patani telah diasaskan oleh Raja Seri Bijaya pada pertengahan abad ke-8 yang lalu. Persoalan tentang kewujudan Langkasuka harus terus menjadi bahan penelitian sarjana termasuk dalam bentuk polemik ilmiah atau polemik sejarah tentang tapak asalnya, sama ada berada di wilayah Patani atau di bumi Kedah Darul Aman.


## RUJUKAN

- Bougas, A.W., 1994. *The Kingdom of Patani Between Thai and Malay Mandala*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Braddell, R., "An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca" dlm. *JMBRAS* 17, 1939.
- Bradley, Francis R., 2006. *The World of the Hikayat Patani*. Masters of Arts (History). University of Wisconsin-Madison.
- Douglas, F.W., "Notes on the Historical Geography of Malaya and Sidelights on the Malay Annals" dlm. *MBRAS* (Reprint no. 7), 1980.
- Ismail Che Daud, 2001. "Syaiikh Daud al-Fatani (1769-1847)" dlm. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. Susunan Ismail Che Daud. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- "Langkasuka & Kedah" dlm. *JMBRAS* 23. hlm. 1, 1950.
- Linehan, W., "Langkasuka the Island of Asoka" dlm. *JMBRAS* 21, hlm. 119-23, 1948.
- Mohd. Zamberi A. Malek, 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zamberi A. Malek, "Lokasi dan Sistem Sosio-Politik Negarakota Langkasuka" dlm.

- SARI* 6, hlm. 47-55, 1998.
- Mohd. Zamberi A. Malek, 2007. "Patani Kesenambungan Langkasuka" dlm. Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd. Zamberi A. Malek. *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Zamberi A. Malek, 2011. *Langkasuka Negara Melayu Pertama*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.
- Siti Hawa Haji Salleh (peny.), 1991. *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarikh Fathani* (ditransliterasi dan disunting oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah), 1998. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Tarikh Fathani* (Jawi), 2002. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Teeuw, A. dan Wyatt, D.K., 1970. *Hikayat Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah (peny.), 1998. *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wheatley, Paul, 1980. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wyatt, David K., "A Thai Version of Newbold's Hikayat Patani" dlm. *JSBRAS* Part 2, hlm. 163, 1967.



Halaman kulit naskhah *Tarikh Fathani* terbitan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 2002.



Halaman judul naskhah *Tarikh Fathani* terbitan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 2002.



Satu Halaman Naskhah *Tarikh Fathani* terbitan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 2002.